

SEMINAR PEMIKIRAN ISLAM HADHARI

**DATUK AHMAD ZAHID HAMIDI**

# **GELOMBANG GLOBALISASI**

**MENGGARAP KEAMPUHAN UMMAH DI MALAYSIA**

97.1  
HM



**Sekretariat Islam Hadhari Malaysia**



**SEMINAR PEMIKIRAN ISLAM HADHARI**

# **GELOMBANG GLOBALISASI**

**MENGGARAP KEAMPUHAN UMMAH DI MALAYSIA**

oleh:

**Datuk Ahmad Zahid Hamidi**  
Timbalan Pengerusi  
Yayasan Islam Hadhari Malaysia

**PUSTAKA PERDANA**



**1012261**



**Sekretariat Islam Hadhari Malaysia**



*Diterbitkan oleh*  
*Yayasan Islam Hadhari Malaysia*  
*Aras 3, Blok Barat*  
*Bangunan Perdana Putra*  
*Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan*  
*62502 Putrajaya*  
*Malaysia*



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA

# Kandungan

Mukadimah	1
Tafsiran Globalisasi	5
Cabaran Globalisasi	9
Kritikan Terhadap Globalisasi	13
Sistem Globalisasi Ekonomi	18
Kemelut Politik dan Media	22
Kaedah Bertindak	26
Menjana Islam Hadhari	32
Penutup	36
Rujukan	41
Biodata	43





# MUKADIMAH



## MUKADIMAH

Firman Allah S.W.T:

⑪ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ .  
⑫ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ .

Maksudnya:

*“Dan apabila dikatakan kepada mereka: ‘Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi,’ mereka menjawab: ‘Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan.’ Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan ....”*

(Surah Al-Baqarah 2:11-12)

Mendepani permasalahan ummah di Malaysia, memerlukan penyingkapan tabir minda terhadap kekangan yang dihadapi oleh ummah secara sejagat. Sesungguhnya Islam akan bangkit semula dengan penuh keagungan, jika setiap individu yang menjadi anggota ummah meminggirkan kejudan. Individu yang menganggotai komuniti ummah, jangan hanya melihat permasalahan dalam kepompong kecil tanpa mengaitkannya dengan gelombang globalisasi yang sedang menerjah ummah keseluruhannya.

Usaha penjanaan terhadap penyelesaian permasalahan bersama yang sedang didepani oleh ummah, tidak terikat kepada kelompok kecil yang masing-masing merasakan

hanya diri mereka sahaja yang memperjuangkan kemampuan demi kepentingan kelompok.

Memperjuangkan *harakat* demi mempertingkatkan *darajat* ummah, bererti usaha bersepadu tanpa mengenal perbezaan pegangan *ikhtilaf* (berbeza pendapat), tafsiran yang berbeza terhadap sesuatu isu, melayani pertentangan pendapat; tanpa melihat gelombang yang sedang melanda ummah keseluruhannya. Gelombang yang akan menenggelamkan kesepaduan ummah, perlu ditangani dengan *wahdatul-fikr* (penyatuan minda), malah perlu sekali turut serta dalam kebersamaan untuk mendepaninya dengan pendekatan *wahdatul-'amal* (penyatuan tindakan).

Ummah di Malaysia, dituntut untuk mengeneppikan perjuangan sempit kelompok masing-masing, jika masih berada dalam kandang minda *jumud*, sebaliknya dengan fikiran yang terbuka dan bersikap lapang dada, dituntut untuk berada dalam satu saf bagi menangani permasalahan menghadapi gelombang globalisasi yang boleh menenggelamkan ummah, jika tidak ditangani dengan penuh kecekalan dan kebersamaan yang kukuh.

### ***Difinisi Globalisasi***

Globalisasi merupakan suatu fenomena baru tatacara dunia dalam mewujudkan ciri-ciri pensejagatan. Dunia mahu dijadikan suatu pentas kecil supaya mudah terjangkau dalam waktu yang singkat. Dunia juga perlu dikuasai tanpa kehadiran secara fizikal kuasa besar secara langsung, cukup hanya dengan proksinya.

Penguasaan pensejagatan mampu dipantau dengan menggunakan kaedah *remote control* tanpa kehadiran pengendali untuk mengemudikan pencapaian matlamat di lokasi sasaran. Senjata antara benua dicipta untuk memusnahkan musuh dalam jarak jauh dan pada waktu yang

singkat. Ideologi dan sistem nilai terus disogok untuk menghancurkan pengaruh pemuka-pemuka politik baru di pentas yang berbeza.

Pelbagai istilah dicipta untuk disogokkan kepada dunia bagi mempropagandakan dasar yang kononnya dianggap sebagai suatu proses pencapaian modenisasi. Istilah “dunia tanpa sempadan” (*borderless world*), “kampung global” atau “desa sejagat” (*global village*), dan “dasar langit terbuka” (*open sky policy*) dicipta dengan sedemikian rupa untuk menganjakkan paradigma dan memutar minda seluruh penduduk dunia agar menyetujui gagasan globalisasi ini.

Malah, lontaran saranan pengwujudan “Revolusi Gelombang Ketiga” (*Third Wave Revolution*) turut diutarakan untuk memperlihatkan penjanaaan revolusi maklumat yang digarap oleh teknologi maklumat (*information technology*) yang dikenali sebagai IT untuk memungkinkan seluruh dunia terangkum dalam jaringan maklumat secara canggih.

Maklumat tidak lagi diperoleh melalui usaha kepakaran intelegensia secara konvensional. Maklumat mampu diperoleh hanya diujung jari. Semua maklumat akan diperoleh melalui terminal komputer dalam sekelip mata. Berita di negara lain juga diperoleh dalam waktu yang amat singkat.

Penerobosan untuk memperoleh maklumat rahsia pemerintah dan organisasi akan diperoleh dengan mudah kerana semua maklumat terangkum dalam data maklumat yang dipusatkan tanpa menghadapi kesukaran menghantar individu secara fizikal untuk memperolehnya. Hal ini kerana dunia semakin kecil dan dunia juga kini dijaringi dengan rangkaian maklumat yang canggih.

# TAFSIRAN GLOBALISASI



## TAFSIRAN GLOBALISASI

Globalisasi menjadi suatu isu yang sering diperkata dan diperdebatkan, sama ada oleh ahli politik, pakar ekonomi dan kewangan, pakar teknologi, para ilmuan, malah rakyat biasa yang merujuk makna dan istilah globalisasi mengikut perspektif dan pendapat masing-masing.

Malah, setiap pihak merasakan gelombang baru tatacara dunia ini tidak dapat dielakkan, memandangkan globalisasi sudah menjadi suatu trend baru untuk memperlihatkan kelangsungan bidang yang diuliti oleh pihak-pihak yang berkepentingan mengikut dimensi yang mereka minati.

Persoalannya, pihak manakah yang mewujudkan fenomena baru tatacara dunia yang mencipta globalisasi ini? Proses globalisasi tentunya tidak terjadi dengan sendiri, tanpa perancangan dan penelitian yang amat rapi daripada pihak yang merancangkannya dengan agenda tersembunyi yang mereka sahaja mengetahuinya.

Apakah maksud tersirat yang mahu dicapai oleh mereka yang mewujudkan gagasan globalisasi ini? Adakah mereka benar-benar ikhlas untuk membantu atau menawarkan perkhidmatan dengan berkongsi ilmu atau penemuan teknologi baru dan sistem terkini bersama seluruh penduduk di dunia ini?

Tentu sekali agenda tersembunyi mereka mempunyai objektif terhadap kebangkitan kesedaran ummah yang sedang melnda ummah sejagat, sebagai gelombang baru yang dikhuatiri akan menenggelamkan gelombang yang dicipta oleh mereka. Mereka mencero boh minda ummah dengan kaedah yang cukup halus.



Allah S.W.T berfirman:

﴿۵﴾ فَقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا تُكَلَّفُ  
إِلَّا نَفْسَكَ وَحَرْضَ الْمُؤْمِنِينَ عَسَى اللَّهُ أَنْ  
يُكَفِّ بِأَسْرَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَاللَّهُ أَشَدُّ  
بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا.

Maksudnya:

*“Oleh itu berperanglah (wahai Muhammad) pada jalan Allah S.W.T (untuk membela Islam daripada pencerobohan musuh); engkau tidak diberati selain daripada kewajipanmu sendiri. Dan berilah perangsang kepada orang yang beriman (supaya berjuang dengan gagah berani). Mudah-mudahan Allah S.W.T menahan bahaya serangan orang kafir itu.”*

(Surah An-Nisaa' 4:84)

Bagi umat Islam di Malaysia, persoalan-persoalan di atas harus dianalisis dengan mata hati yang halus dan penuh keimanan yang luhur. Ia juga hendaklah dilihat secara kritis, sama ada manfaat globalisasi, liberalisasi pendemokrasian sistem dalam acuan mereka, dapat dikecapi oleh ummah di Malaysia atau ummah menjadi mangsa oleh penerjahan gelombang globalisasi ini.

Kita perlu melihat dalam diri untuk menggarap kemampuan dalam menghadapi era globalisasi dihadapan kita.

Ikhtilaf dikalangan kita hendaklah dielakkan, sebaliknya penyatuan tindakan hendaklah disusun-atur, supaya kita tidak ketinggalan.




Sejauhmanakah kesediaan kita menolak globalisasi, jika kita diterjunkan di dalamnya tanpa persediaan ilmu. Apatah lagi jika ummah bercakaran, terus mempersoalkan isu-isu yang bersifat furuq (perkara remeh-temeh). Sedang dihadapan kita, musuh gergasi sedang menanti untuk membaham dan melumatkan kita menjadi ummah yang dikeping-kecilkan dan berantakan tanpa haluan.

Dapatkah kita menghadapi musuh yang lebih besar di luar sana, sedang senjata kita telah tumpul, kuku kita telah patah kerana kita sebagai anggota ummah terus bertenangan dan bertelagah dalam perkara-perkara kecil.

Disebabkan terlalu sibuk dengan hal yang melibatkan kandang kita sendiri, kita terlupa bahawa tanggungjawab kita di luar sana, dikalangan ummah di negara lain, yang menjadi saudara seagama kita terus dihujani peluru, dinafikan hak untuk hidup sejahtera dan beribadah dengan tenang di negara sendiri.

# **CABARAN GLOBALISASI**





**Sekretariat Islam Hadhari Malaysia**